

**Pemeriksaan Wanita Buka Banyak Peluang Kepada Mereka, Kata Rosmah Bernama
Julai 30, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Pemeriksaan wanita menerusi pendidikan dan latihan telah membuka banyak peluang bagi wanita, kata isteri Perdana Menteri.

Datin Seri Rosmah Mansor berkata menerusi pemeriksaan itu, wanita mempunyai kawalan yang lebih baik ke atas kehidupan mereka, keupayaan untuk membuat pilihan dan mengambil tindakan, melakukan perubahan dengan penuh yakin dan memenuhi potensi mereka sebagai anggota masyarakat yang produktif.

"Apa yang paling penting ialah ia menyediakan peluang peningkatan sosio ekonomi dan pergerakan kepada mereka.

"Wanita mempunyai, kuasa yang sama seperti lelaki dalam mengubah dunia dan telah meninggalkan impak besar dalam sejarah dunia," katanya ketika berucap sempena majlis penganugerahan Ahli Kehormat Seumur Hidup Women Institute Management (WIM) kepada beliau di sini hari ini.

Beliau berkata telah terbukti bahawa peralihan paradigma besar telah berlaku dan akan berterusan yang telah memberikan pengiktirafan dan perakuan kepada kewibawaan wanita selaku pemain dalam membantu mencorakkan ekonomi dan landskap sosial masyarakat dan negara.

"Hari ini, wanita telah menunjukkan kemampuan dan mencipta nama dalam banyak bidang, dengan mengisi pelbagai jawatan tinggi dalam sektor korporat dan kerajaan, masyarakat dan politik," kata Rosmah.

Rosmah berkata gabungan pengaruh pengetahuan, kemahiran dan teknologi akan melengkapkan lagi diri wanita untuk merumuskan dasar-dasar, memperkenalkan inisiatif dan merintis inovasi yang akan meningkatkan keupayaan mereka.

"Apa yang mendorong wanita untuk berjaya, saya percaya ialah fitrah wanita itu sendiri iaitu tekun, komited, disiplin, berdaya tahan dan fokus dalam apa juga yang mereka lakukan, mereka tidak mudah mengalah dan akan terus mengharungi apa juga cabaran yang mendatang," katanya.

Pada majlis itu Rosmah turut mengucapkan terima kasih kepada WIM atas pengurniaan Anugerah Ahli Kehormat WIM kepadanya yang disampaikan oleh Pengerusi WIM Tan Sri Napsiah Omar.

"Sesungguhnya anugerah ini amat bermakna apatah lagi ianya diberikan oleh WIM, iaitu sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang amat terkenal dengan sumbangan mereka kepada pembangunan modal insan khususnya di kalangan wanita yang sangat memerlukan."

"Anugerah ini adalah satu penghargaan kepada saya untuk meneruskan khidmat bakti khususnya kepada kaum wanita sekalian," katanya.

Pada majlis itu, Rosmah turut melancarkan buku WIM bertajuk "Small Business Success Stories" tulisan Sherilyn Foong dan Selina Yeop Jr.

Buku itu memuatkan kisah dan kejayaan lapan usahawan berjaya dan untuk dijadikan

rujukan kepada usahawan muda.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605024>